

Headline **Kod nafsu songsang**
Date **15 Sep 2011**
MediaTitle **Harian Metro**
Section **Setempat**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **324,097 / 1,981,000**

Language **Malay**
Page No **22**
Article Size **295 cm²**
Color **Black/white**
ADValue **4,357**
PRValue **13,071**



Kod nafsu songsang

Mukadimah gay pelawa pasangan lampias nafsu

>>Oleh Azlan Hafeedz

am@hmetro.com.my

BACHOK: Perkataan seperti lolipop dan mikrofon antara kod berahi digunakan golongan gay di negeri ini untuk mempelawa pasangan masing-masing bermesra, sekali gus melampiaskan nafsu songsang.

Perkara itu didedahkan Kaunselor Pertubuhan Masyarakat Prihatin (Prihatin), Zaimah Hussin, berdasarkan pengakuan beberapa golongan gay di negeri itu yang menemuinya bagi mendapatkan kaunseling selepas insaf akibat terjebak dengan kegiatan songsang itu.

Menurutnya, selain menggunakan kod berkenaan, golongan gay di negeri itu turut mempunyai kumpulan tersendiri dinamakan 'Kelab Malam Mesra' bagi tujuan berkumpul pada setiap malam Jumaat.

"Ramai golongan gay menemui saya, termasuk gay yang menghidap HIV gara-gara terjebak hubungan songsang. Mereka mahu mendapatkan kaunseling dan banyak rahsia golongan gay

di negeri ini dibongkarkan.

"Antaranya, mereka ada kod sendiri seperti menggunakan perkataan lolipop dan mikrofon sebagai mukadimah mempelawa melampiaskan nafsu. Turut diceritakan, mereka ada kelab sendiri dinamakan Kelab Malam Mesra dan berkumpul pada setiap malam Jumaat untuk melakukan pelbagai aktiviti,

termasuk bermesra," katanya.

Zaimah berkata, majoriti ahli Kelab Malam Mesra adalah mereka yang berkelulusan tinggi dan berjaya dalam

karier masing-masing.

"Paling mengejutkan, kebanyakan mereka yang terbabit dalam aktiviti itu sudah berumah tangga, namun terpaksa abaikan batin isteri masing-masing kerana lebih terdorong untuk melakukan seks dengan kaum sejenis.

"Saya turut difahamkan, kelab terbabit turut memiliki laman sosial facebook sendiri bagi memudahkan mereka mencari ahli baru," katanya.

Menurut Zaimah, tidak dinafikan pasangan yang suka melakukan seks luar tabii itu adalah golongan berisiko le-

bih tinggi untuk dijangkiti HIV berbanding mereka yang berkongsi jarum atau suka bertukar pasangan.

Seorang bekas gay yang dijangkiti HIV mengakui kewujudan kod dan kelab berkenaan selepas terjebak menjadi gay di negeri ini sejak lebih setahun lalu.

Menurut lelaki berusia 27 tahun yang mahu dikenali sebagai Jack, dia dan pasangannya menggunakan beberapa perkataan sebagai kod untuk memulakan hubungan songsang.

"Perkataan lolipop dan mikrofon itu biasa digunakan. Ada juga yang menggunakan perkataan gula-gula Hacks dan Mints," katanya.

Jack berkata, dia mempunyai isteri, tetapi bercerai selepas rahsianya terbongkar.

"Paras rupa isteri saya me-

Headline **Kod nafsu songsang**
Date **15 Sep 2011**
MediaTitle **Harian Metro**
Section **Setempat**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **324,097 / 1,981,000**


Language **Malay**
Page No **22**
Article Size **295 cm²**
Color **Black/white**
ADValue **4,357**
PRValue **13,071**

mang cantik dan ayu, namun nafsu saya lebih terdorong kepada kaum sejenis menyebabkan saya hanya melayan isteri dua bulan sekali saja," katanya.

Menurut Jack yang juga bekas arkitek di sebuah firma

swasta, sebelum bercerai dia dan isteri hidup penuh bahagia.

Katanya, segala-galanya berubah selepas dia berkenalan dengan seorang lelaki kacak tiga tahun lebih muda melalui facebook.



BANTU...Zaimah memberi kaunseling kepada seorang gay yang ingin kembali ke pangkal jalan.